



KREN RUNTUH DI MAKKAH

65 JEMAAH MAUT

Harian metro
12/9/2015
mls 18





Oleh Noor Azam Abdul Aziz

Makkah

Sekurang-kurangnya 65 jemaah haji dikhuatiri maut manakala empat jemaah haji Malaysia dipercayai antara yang cedera dalam kejadian kren tumbang di Masjidil Haram kira-kira jam 4.30 petang (9.30 malam waktu Malaysia) semalam.

Maklumat jemaah haji yang terkorban itu disahkan portal berita Arab News.

Difahamkan, kejadian berlaku ketika hujan lebat dan ribut yang melanda Tanah Suci selepas Asar.

Menurut beberapa penduduk di

sini, hujan lebat semalam adalah fenomena yang agak luar biasa kali keempat dalam tempoh sebulan.

Malah, berdasarkan laporan ramalan cuaca yang dikeluarkan pihak berkuasa Arab Saudi, cuaca diramalkan panas dengan suhu antara 40 hingga 42 darjah Celsius.

Beberapa hari lalu, jemaah haji di sini turut dikejutkan dengan kejadian ribut pasir.

Suasana di sekitar bandar ini juga kedengaran bunyi ambulans yang membawa mangsa cedera.

Kawasan Masjidil Haram kini giat dengan kerja pembesaran.

KRONOLOGI INSIDEN MEMBABITKAN JEMAAH HAJI

5 JULAI 2015

Seramai lima orang cedera selepas beberapa bahagian di Masjidil Haram terbakar akibat litar pintas berlaku di kawasan yang sedang dibangunkan.

30 MEI 2014

Seramai empat jemaah haji cedera dalam insiden jemaah merempuh di Masjidil Haram hanya untuk melihat struktur Kaabah dicuci.

27 DISEMBER 2006

Sekurang-kurangnya 16 jemaah haji cedera berikutan mengalami sesak nafas semalam apabila apartmen Dar Al-Gaza terbakar, kira-kira 200 meter dari Masjidil Haram. Api dipercayai merebak dari tingkat bawah tanah dan merebak ke tingkat satu yang menempatkan jemaah haji.

26 JANUARI 2004

Kira-kira 66 jemaah haji cedera, lima daripadanya serius selepas banjir kilat melanda Makkah mengakibatkan lalu lintas di Jalan Umm Al-Joud, Al-Mansour dan Al-Haj terhenti. Anggota pertahanan awam menyelamatkan 47 jemaah haji dan tujuh keluarga daripada banjir.



MANGSA yang dihempap kren diselamatkan.

